



Sambutan Hangat Program Sosialisasi UniMAP di Medan, Indonesia

Program Sosialisasi Universiti Malaysia Perlis mendapat sambutan luarbiasa dengan kehadiran lebih 500 pelajar dari pelbagai sekolah di sekitar Medan. Ini merupakan program pertama yang dianjurkan di Indonesia yang menyasarkan golongan pelajar sekolah di dalam usaha mempromosikan program-program akademik di UniMAP. Program ini turut melibatkan beberapa rakan strategik UniMAP di Medan seperti Institut Teknologi Medan, Universitas Panca Budi, Universitas Medan Area, Politeknik LP3i serta STMIK Potensi Utama.

Majlis pembukaan program diserikan dengan kehadiran wakil Kepala Dinas Pendidikan Kota Medan Bapak Masrul Badri. Di dalam ucapan aluan beliau, Naib Canselor UniMAP telah melahirkan harapan untuk melihat lebih ramai pelajar Indonesia melanjutkan pengajian di UniMAP atas kecemerlangan akademik masing-masing serta bantuan promosi daripada pelajar-pelajar Indonesia yang sedang mengikuti pengajian di UniMAP.

Selain itu, UniMAP turut menganjurkan Seminar Pasca Siswazah dengan penyertaan lebih 400 pensyarah dari pelbagai institusi pengajian tinggi di Medan. Ahli-ahli panel yang mengambil bahagian adalah Penyelaras KOPERTIS SUMUT Dr. Dian Armanto, Prof. Dr. Ilimi Abdullah, Rektor Institut Teknologi Medan serta Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Naib Canselor UniMAP. Antara topik yang dibicarakan oleh mereka berkisarkan amalan terbaik sebagaimana UniMAP yang berjaya meningkatkan mutu penyelidikan, akademik dan penjenamaan di peringkat antarabangsa. Sementara itu, Dr. Dian Amanato pula berbicara tentang potensi dan kekuatan institusi pengajian tinggi di Indonesia serta Sumatera Utara khususnya.

